

Sinar Harian - Jamin GST Tak Naik

 Khamis, Apr 19 2018



Ahmad Zahid (dua, kiri) ketika meninjau pembinaan Jeti Penambang Kampung Kota, semalam.

Jamin GST tak naik

SH 19/4

**Hasil pendapatan
negara cukup
tampung kos
tadbir urus
negara**

SITI KHAIRULNISAH
MOHAMMED BAJURI

BAGAN DATUK

Timbangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi memberi jaminan cukai barang dan perkhidmatan (GST) tidak akan dinaikkan

selepas PRU14.

Ahmad Zahid berkata, hasil pendapatan negara yang diperoleh daripada GST pada kadar enam peratus sekarang iaitu lebih RM40 bilion mencukupi untuk menampung kos tadbir urus negara.

Menurutnya, pendapatan negara mencukupi untuk melaksanakan semua janji pada PRU14.

“Kita telah hidu terdapat usaha pihak tertentu yang cuba mengelirukan rakyat, kononnya selepas PRU14 ada kenaikan GST. Saya ingin sebutkan sekali lagi bahawa perkara itu satu fitnah yang sengaja diadakan untuk merosakkan kepercayaan rakyat ter-

hadap BN” katanya pada sidang akhbar selepas meninjau beberapa jeti nelayan di sekitar Jalan Tepi Sungai, di sini, semalam.

Ahmad Zahid berkata, perkara itu tidak berasas kerana Kementerian Kewangan dan Bank Negara sendiri tidak melihat perlunya kadar sedia ada dinaikkan.

“Pendapatan kita bukan sahaja cukup tetapi mampu menampung belanjawan yang diumumkan, malah untuk lima tahun akan datang,” katanya.

